

Campuran pembangkang tidak boleh perintah dengan berkesan — PM

JERANTUT 30 Jun — Kerajaan campuran yang dicadangkan oleh parti-parti pembangkang tidak akan dapat memerintah dengan berkesan kerana mereka tidak mungkin mempunyai sebuah parti teras yang kuat, kata Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, ini disebabkan Pas dan DAP tidak secocok antara satu sama lain dan mereka akan saling ugut - mengugut Semangat 46 untuk menyingkalkan gabungan itu apabila timbul rasa tidak puas hati.

Kerajaan itu juga tidak dapat menumpukan kepada pembangunan negara kerana mereka asyik sibuk dengan politik dalaman untuk memastikan kerajaan mereka terus kukuh, kata beliau pada perjumpaan dengan pemimpin masyarakat Pahang di Dewan Majlis Daerah Jerantut di sini hari ini.

Katanya, pemimpin parti Semangat 46, Tengku Razaleigh Hamzah membuat perhitungan bahawa parti itu akan menang 40 kerusi pada pilihanraya akan datang, manakala DAP dan Pas masing-masing menang 30 dan 25 kerusi menjadikan jumlahnya 95 kerusi.

Perdana Menteri berkata, bagaimanapun, kerajaan campuran itu tidak mempunyai tunjang yang kuat seperti UMNO dalam Barisan Nasional (BN) sekarang.

Dato' Sri Dr. Mahathir, yang juga Presiden UMNO berkata, UMNO menjadi teras BN kerana ia memenangi 83 daripada 84 kerusi Parlimen yang ditingginya pada pilihanraya umum 1986.

"Begitu kuatnya UMNO sehingga apabila Tengku Razaleigh tarik keluar 12 orang bersama-samanya kita tidak jatuh dan masih kuat manakala BN mempunyai dua pertiga kerusi dalam Dewan Rakyat," katanya.

"Tiada apa dapat menggoncang kerajaan BN yang membawa keamanan dan kestabilan kerana kita tidak mungkin jatuh atau tidak mudah dijatuhkan,"

kata Perdana Menteri.

Sebaliknya, sekiranya Pas dan DAP tidak puas hati dan meninggalkan gabungan mereka, kerajaan campuran di bawah pimpinan Tengku Razaleigh akan lemah, jelas beliau.

"Kerajaan yang selalu diugut oleh parti-parti komponennya tidak boleh memerintah kerana mereka akan sentiasa hidup dalam ketakutan," tambahnya.

Menurut beliau apabila keadaan ini berlaku kerajaan itu tidak dapat menumpukan kepada kepentingan rakyat, agama dan negara.

Perdana Menteri berkata, sekiranya ada parti komponen BN yang menarik diri, kerajaannya tidak akan jatuh kerana ia masih mempunyai banyak parti lain di dalamnya termasuk di Sabah dan Sarawak.

Terus kukuh

Katanya, oleh itu, BN akan terus kukuh untuk memerintah kecualilah sekiranya UMNO sendiri yang keluar dari gabungan itu.

UMNO dengan parti-parti komponen BN yang lain saling bekerjasama dalam mendapatkan undi di kawasan tertentu dan seterusnya mendirikan kerajaan yang berkesan.

Perdana Menteri juga menjelaskan bahawa kerajaan kini menumpukan usaha untuk memajukan sektor industri kerana sektor pertanian dan perlombongan tidak dapat menyediakan peluang pekerjaan yang banyak berbanding dengan sektor industri.

Beliau memberi contoh sebuah kilang elektronik boleh memberi pekerjaan kepada lebih ramai pekerja berbanding dengan sebuah ladang yang luas kawasannya.

Katanya, hasil yang diterima di sektor perlombongan dan pertanian tidak dapat menampung kos pembangunan, terutama apabila harga komoditi getah dan kelapa sawit sentiasa turun naik.

Sebelum itu, ketika berucap pada perjumpaan

dengan orang ramai di Kampung Pulau Mansok, Dato' Sri Dr. Mahathir membidas sikap MTUC, parti-parti pembangkang, DAP dan Semangat 46, yang menurutnya lebih memperjuangkan hak-hak pekerja di Amerika Syarikat dalam soal Sistem Keutamaan Am (GSP).

Kenyataan Encik V. David baru-baru ini bahawa dia dan kongres itu akan membantu kerajaan mempertahankan GSP itu dengan syarat kerajaan mematuhi kehendak ILO-CIO jelas membuktikan dia lebih mengutamakan pekerja di luar negeri.

Dato' Sri Dr. Mahathir kemudian menyampaikan 60 basikal kepada anak-anak penduduk tempatan. Beliau sebelum itu telah melawat loji bekalan air Batu Embun yang berharga \$7 juta yang dijangka siap April tahun depan.